

Headline	KPPK perluas perkongsian kepakaran dengan negara sedang membangun		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	17 Sep 2022	Color	Full Color
Section	News	Circulation	31,034
Page No	17	Readership	93,102
Language	Malay	ArticleSize	289 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,154
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 6,462



KPPK perluas perkongsian kepakaran dengan negara sedang membangun

Dalam usaha memanfaatkan kepakaran dimiliki negara berkaitan industri kayu-kayan

JASIN: Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi (KPPK) akan memperluas pertukaran dan perkongsian teknologi dengan negara-negara sedang membangun dalam usaha memanfaatkan kepakaran dimiliki negara berkaitan industri kayu-kayan.

Menterinya Datuk Zuraida Kamaruddin berkata usaha itu, termasuk dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D), makmal, pengurusan dan penggunaan sumber hutan

seperti Majlis Kayu-Kayan Malaysia (MTC) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), yang sememangnya mempunyai kepakaran merangkumi pelbagai perkara dalam bidang ini dan mempunyai pengalaman lebih 50 tahun.

“Kita telah pun memulakan langkah ini dengan beberapa negara seperti India, Bangladesh, Pakistan dan India, yang memberikan kerjasama menggalakkan dan ini juga dilihat mampu menjadi unsur kepada



MANFAAT KEPAKARAN: Zuraida (kiri) meletakkan tanda nama pada anak pokok merbau pada Program Penanaman Pokok sempena Bulan Kebangsaan dan Hari Malaysia 2022 di Stesen Penyelidikan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Selangor dekat Jasin, semalam. — Gambar Bernama

“ Kita mempunyai agensi seperti Majlis Kayu-Kayan Malaysia (MTC) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), yang sememangnya mempunyai kepakaran merangkumi pelbagai perkara dalam bidang ini dan mempunyai pengalaman lebih 50 tahun. ”

Datuk Zuraida Kamaruddin
Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi

secara mampan, selain teknologi meliputi penggunaan peralatan atau mesin terkini.

“Kita mempunyai agensi

pendapatan negara,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita pada Program Penanaman Pokok

sempena Bulan Kebangsaan dan Hari Malaysia 2022 di Stesen Penyelidikan FRIM Selangor di sini semalam.

Pada program itu sebanyak 30 spesies pokok ditanam seperti kenanga, merawan siput jantan, janda merana, kasai, kayu manis, cermai bidara, petai, belimbing buluh,

belimbing madu, bakau dan eucalyptus pellita.

Zuraida berkata industri perhutanan negara terus mencatatkan perkembangan positif, dengan peningkatan permintaan eksport ke luar negara biarpun berdepan pelbagai cabaran seperti rantaian bekalan, kestabilan ekonomi

dan sebagainya.

“Pada tahun ini eksport kayu mencapai RM23 bilion dan kita jangka jumlah itu akan terus meningkat dari tahun ke tahun berikutan produk kayu dan perabot kita terus mendapat permintaan tinggi dari negara luar,” katanya. — Bernama